

17/01/2002

Permohonan PBS sertai BN diputus Rabu ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan bermesyuarat Rabu depan bagi memutuskan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula gabungan itu.

Sebahagian daripada 13 ketua parti komponen BN sudah diberitahu mengenai tarikh mesyuarat itu, yang pertama diadakan tahun ini dan dijadualkan dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sumber berkata, selain permohonan PBS, mesyuarat itu juga dijangka membincangkan soal keganasan yang berkisar kepada kegiatan militan dan isu politik semasa.

Keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Sabtu ini juga dijangka dibincangkan.

Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, ketika ditemui pemberita di Kota Kinabalu selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri hari ini mengesahkan sudah menerima notis mesyuarat itu daripada ibu pejabat BN di sini.

Sumber itu bagaimanapun berkata, belum diketahui sama ada wakil PBS akan turut dijemput selaku pemerhati pada mesyuarat itu yang menurut sesetengah pihak "bagi memberi jaminan PBS tidak lagi menikam BN dari belakang pada masa depan".

Pada hari terakhir Kongres tahunan PBS ke-16, 13 November lalu, Majlis Tertinggi (MT) parti itu memutuskan menyertai semula BN. Dua hari kemudian, Presidennya, Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan surat permohonan itu kepada Dr Mahathir di Putrajaya.

PBS pernah menyertai BN pada 1986 tetapi mengambil keputusan keluar daripada gabungan berkenaan beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

(END)